

# → MUKA SEPULUH

## DARI KACA MATA

→ Prof Dr Ahmad Ismail

Felo Akademi Sains Malaysia; Profesor Jabatan Biologi Universiti Putra Malaysia (UPM); Ahli Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC)



# Perancangan pelajaran lepasi Wawasan 2020

**K**ementerian Pelajaran mungkin perlu memberikan penekanan kepada Wawasan 2020 yang dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1991. Penekanan ini sangat penting bagi menilai pencapaian perancangan dan pelaksanaan kementerian selama hampir 30 tahun lalu.

Semakan perlu dibuat segera sebagai persediaan sebuah negara maju pada 2020. Walaupun Selangor boleh dijadikan model negeri maju di Malaysia, banyak perkara lagi yang perlu dilihat terutama dari segi pembangunan sumber manusia untuk kesejahteraan rakyat.

Kementerian Pelajaran perlu memainkan peranan berkenaan dalam menyediakan sumber manusia menerusi pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran.

Tujuan semakan perancangan dan pencapaian Wawasan 2020 Kementerian Pelajaran ini juga untuk persediaan dan bagi menjayakan pelan tindakan bagi perancangan 10 hingga 30 tahun akan datang.

### Sumber manusia

Negara memerlukan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam mengendalikan sebuah negara maju sama ada dari segi kemanusiaan, sistem dan infrastruktur.

Justeru, prestasi sistem pendidikan negara mestilah mantap sesuai dengan zaman dan budaya Malaysia.

Menjelang 2020 yang tidak sampai dua tahun lagi ternyata menjadikan cabaran semakin mening-

ditekankan dan diuar-uarkan ke seluruh negara, hanya dapat dicapai melalui sistem pendidikan dan pelaksanaan yang baik terancang dan teratur.

### Pencapaian

Kementerian Pelajaran perlu membuat kajian segera sejauh mana pencapaian kementerian itu dalam membuat perancangan Wawasan 2020 menjadikan pendidikan bertaraf dunia dan menyumbang kepada sumber tenaga manusia bagi mencapai matlamat sebuah negara maju.

Matlamat keenam misalnya, dalam memastabatkan sains dan teknologi, juga sepatutnya dapat diukur pencapaiannya.

Adakah selama hampir 30 tahun ini Kementerian Pelajaran (dulu dikenali Kementerian Pendidikan) sudah dapat memenuhi keperluan sumber tenaga manusia pakar dalam bidang sains dan teknologi secara menyeluruh?

Semua perancangan perlu diaudit pencapaiannya dan dilaraskan semula bagi menambah baik kepincangan atau kekurangan yang mungkin ada sejak hampir 30 tahun lalu.

Kita tahu sains dan teknologi sangat penting terutama dalam membincangkan Revolusi Perindustrian 4.0, robotik dan kecerdasan buatan, teknologi maklumat, media baharu, inovasi dan persaingan antarabangsa.

Dr Mahathir telah banyak meletakkan perkara ini dahulu terutama dalam membangunkan teknologi komunikasi maklumat (ICT) negara, koridor raya multimedia, pusat inkubator, kerjasama negara maju melalui Dasar Pandang Ke Timur dan banyak lagi.

### Inovasi

Semua ini mesti dilihat dengan lebih serius lagi merangkumi semua aspek budaya, kepercayaan, taraf ekonomi rakyat dan gaya hidup masyarakat Malaysia, kurikulum dan pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran, kemahiran guru, pencapaian penyelidikan berimpak tinggi di universiti dan peranan agensi seperti Akademi Sains Malaysia, Pusat-Sains Negara, pihak korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam pembangunan sains, teknologi dan inovasi (STI) negara.

Sejauh mana pencapaian aliran STEM (sains teknologi kejuruteraan dan matematik) dan dasar STI negara perlu juga dikaji serta dibuat penambahbaikan dan pelaksanaannya yang mantap kerana STI penting dalam sebuah negara maju.

Cabar baru Kementerian Pelajaran selepas 2020 bagi memastikan Malaysia mampu bersaing dengan kuasa besar seperti China dan negara jiran ASEAN yang juga agresif dalam pembangunan STI mereka.

Kementerian ini mesti segera bekerjasama dengan semua pihak dalam usaha membangunkan sumber manusia bagi memajukan negara untuk kepentingan semua rakyat dan maruah negara.

Semua pemimpin berkaitan pendidikan dan pembangunan STI negara mestilah segera mengemuka pandangan berkaitan status STI negara dan laluan masa depan jangka pendek, 10 dan 30 tahun akan datang.

Peranan universiti dan tenaga pakar semua bidang juga perlu digembangkan untuk tujuan itu.

[FOTO HIASAN]



Kementerian Pelajaran perlu melahirkan generasi yang berupaya menzahirkan Wawasan 2020 menerusi pelbagai bidang pengetahuan serta kemahiran.

Semua kementerian mestilah melihat Wawasan 2020 ini secara serius, khususnya Kementerian Pelajaran. Kajian terperinci berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pencapaian setiap kementerian mestilah dilihat secara bersepudu sebagai persediaan menghadapi negara maju 2020".